

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :-

Pejabat Am

Fakulti Psikologi dan Pendidikan
(Blok Psikologi)
Tel : 6088 - 320 000
Samb : 8143 / 8217 / 8236
Faks : 6088 - 320 101
E-mel : pejfp@ums.edu.my

Pejabat Am

(Blok Pendidikan)
Tel : 6088 - 320 000
Samb : 2506
Faks : 6088 - 320 268
E-mel : pejfp@ums.edu.my

Pengenalan

Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) menjana tenaga mahir profesional dalam pembinaan insan berpendidikan dan kesepakaran dalam menangani isu tingkahlaku dan masalah sosial. Penggabungan disiplin ilmu kependidikan, psikologi, kerja sosial, kaunseling dan sains sukan mampu melahirkan graduan berkemahiran sebagai pendidik, pentadbir, kaunselor dan ahli psikologi bagi memenuhi keperluan yang mencabar dewasa ini. Kesepaduan kursus dan program-program yang ditawarkan mampu melahirkan graduan yang berketrampilan dari segi intelektual, kemahiran berfikir, kepakaran, penyelidikan, mampu menyumbang pemikiran dan idea kepada pembangunan Negara disamping membekalkan tenaga kerja yang pakar dalam menyelesaikan masalah sosial dan isu mengenai pendidikan dan kemasyarakatan. Hasrat ini adalah selari dengan keunggulan UMS sebagai sebuah institusi pendidikan, latihan dan penyelidikan yang melahirkan profesional yang berkualiti di peringkat global. Kelangsungan fungsi, peranan dan matlamat fakulti ini sesungguhnya menuntut kerjasama semua pihak untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas, amanah dan didikasi berteraskan kepada budaya kerja cemerlang untuk membangun modal insan yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Visi

Fakulti Psikologi dan Pendidikan beriltizam menjadi pusat rujuk bagi bidang pendidikan, sains sukan, psikologi dan kerja sosial yang profesional, cemerlang dan bertaraf dunia berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara dan visi Universiti Malaysia Sabah.

Misi

- Melaksanakan pengajaran dan menjalankan penyelidikan, penerbitan, persidangan, perundingan dan latihan yang berkaitan dengan kesejahteraan insan bagi semua disiplin dalam fakulti.
- Mengekalkan keunggulan dan menjadikan UMS sebagai institusi utama dalam pendidikan, latihan dan penyelidikan dalam bidang psikologi, pendidikan, kerja sosial dan sains sukan.

Objektif

- Mengeluarkan graduan yang diiktiraf oleh profesion psikologi, pendidikan kerja sosial dan sains sukan.
- Mengeluarkan graduan prasiswazah yang berketrampilan dengan kemahiran insan dalam semua bidang di fakulti selaras dengan keperluan.

- Menghasilkan ahli-ahli psikologi, pendidik, pekerja sosial dan sains sukan yang terlatih dan layak sebagai tugas lain untuk kesejahteraan masyarakat.
- Memenuhi keperluan dan permintaan semasa dalam melahirkan graduan yang kompeten dan seimbang dengan Pengiktirafan global dalam disiplin masing-masing.

Program Pengajian

HA13 Psikologi Industri dan Organisasi

Program ini memperkenalkan dan melatih pelajar dalam ilmu psikologi khususnya yang menyentuh sektor industri dan permasalahan yang berhubung dengan perlakuan organisasi. Antara perkara yang ditangani adalah kepuasan kerja dan pengurusan stres, dinamika kumpulan, komunikasi sesama insan, masalah kesatuan sekerja, kepimpinan dan pengaruh, prejudis dan diskriminasi dalam organisasi dan juga rekabentuk dan pengembangan organisasi serta aspek ergonomik dan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pelajar juga akan menjalani latihan praktikal dalam pelbagai sektor industri dan organisasi untuk melengkapkan teoritik yang dipelajari di bilik kuliah. Program ini berupaya menghasilkan graduan yang berdaya tahan serta mempunyai kemahiran dalam bidang Psikologi Industri dan Organisasi. Graduan dalam program ini akan menawarkan perkhidmatan dan kepakaran mereka dalam kedua-dua sektor awam dan swasta sebagai pegawai sumber manusia atau pegawai kebajikan dalam industri, pembantu penyelidik atau tutor/pensyarah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta fasilitator dan sukarelawan dalam pelbagai bidang seperti kepenggunaan dan pemasaran, serta pengiklanan.

HA16 Pembangunan Belia dan Komuniti

Program ini melihat perkembangan belia dari aspek kognitif, sosial, emosi dan moral dengan menggunakan pelbagai orientasi teoritik. Hasil kajian akan dikemukakan untuk menunjukkan bagaimana maklumat asas proses perkembangan mempunyai implikasi kepada masalah belia dewasa ini dalam konteks komuniti, teori serta pendekatan dalam pembangunan sosial dan komuniti. Program ini juga akan membincangkan perancangan, pelaksanaan serta penilaian program pembangunan belia dan komuniti. Pelajar dalam program ini akan menerima latihan praktikal dalam bentuk komuniti di institusi pemulihan. Ini bagi melahirkan graduan yang mempunyai pengalaman dan berpengetahuan dalam lapangan komuniti. Latihan dijalankan dengan kerjasama daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti di Jabatan Perkhidmatan Sosial, Jabatan Perpaduan Negara, badan bukan kerajaan dan agensi yang berkaitan. Graduan dalam program ini akan memberikan perkhidmatan di sektor awam dan swasta sebagai pegawai pembangunan komuniti, pegawai pemulihan, konsultan, membantu penyelidik atau tutor di institusi pendidikan dan juga fasilitator dan sukarelawan.

HA19 Psikologi Kaunseling

Program Psikologi Kaunseling direkabentuk bagi melatih para pelajar menjadi seorang yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang kaunseling. Oleh itu, pelajar dijangka dapat menunjukkan komitmen terhadap perkembangan profesional dan personal. Kurikulum yang ditawarkan dalam program ini mematuhi kepada standard yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia dan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Kursus kaunseling seperti kemahiran asas kaunseling, teori kaunseling dan psikoterapi, kaunseling kerjaya, kaunseling pelbagai budaya, etika, dan latihan makmal menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sebagai seorang kaunselor profesional. Sementara itu, praktikum dan internship menawarkan pengalaman klinikal kepada pelajar yang mana dapat meningkatkan tahap profesional dan perkembangan personal. Selain itu, kursus-kursus psikologi dapat mengukuhkan keupayaan pelajar dalam memahami tingkah laku manusia. Graduan program ini layak untuk mendapat kaunselor berdaftar dan akan bekerja sebagai seorang kaunselor, ahli psikologi, pakar runding, sumber manusia, pengurus, dan pengamal kesihatan mental di sektor kerajaan dan swasta.

HA20 Psikologi Kanak-kanak Dan Keluarga

Program Kanak-Kanak dan Keluarga dirancang untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan menyediakan individu sebagai professional dalam mengendalikan hal-hal berkaitan perkembangan kanak-kanak, ibu bapa dan keluarga. Fakulti Psikologi dan Pendidikan percaya bahawa bidang kanak-kanak perlu dipelajari dalam kontak keluarga dan komuniti. Justeru itu, pendidikan tentang kekeluargaan turut diterapkan ke dalam perkembangan emosi, sosial, kognitif, dan personaliti kanak-kanak sangat diutamakan. Program ini menawarkan kursus-kursus yang memberi pengetahuan mengenai kanak-kanak dan keluarga. Kanak-kanak dan keluarga digabungkan dalam program ini kerana perkembangan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh keluarga dan persekitarannya. Fokus utama program ini adalah perkembangan bayi dan kanak-kanak, asuhan kanak-kanak dalam berbagai budaya, perkahwinan dan keluarga, keibubapaan, kanak-kanak dalam keluarga. Program ini juga merupakan wadah kepada usaha universiti dan fakulti ini dalam meningkatkan lagi kerjasama dengan komuniti dan juga bertindak balas kepada keperluan masyarakat dan professional dalam bidang kanak-kanak dan keluarga. Latihan praktikal adalah sangat penting dalam melengkap aspek teoritikal sementara penulisan tesis pula akan membantu pelajar untuk menjadi penyelidik dalam bidang ini. Graduan dari program ini akan berkhidmat dalam sektor awam dan swasta sebagai penyelia di pusat jagaan atau asuhan kanak-kanak, pegawai konsultan psikologis, pensyarah atau tutor di pusat penganjiran tinggi, pembantu penyelidik, pengurus atau pengetua di pusat kanak-kanak atau pun sebagai sukarelawan dan fasilitator dalam organisasi dan aktiviti yang berkaitan.

HA52 Kerja Sosial

Program Kerja Sosial secara umum bertujuan untuk menyediakan bakal-bakal pekerja sosial profesional yang berdedikasi, berinovasi serta mempunyai perspektif yang menyeluruh terhadap fahaman masyarakat serta isu dan masalahnya. Ia juga bertujuan meninggikan pengetahuan, kemahiran tentang proses menolong dan perancangan dalam intervensi kerja sosial. Selain itu program ini bertujuan mewujudkan kumpulan profesional yang peka kepada keperluan dalam masyarakat dan berusaha mencapai kualiti kehidupan yang dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat dan melengkapkan kepakaran dalam menjalankan perkhidmatan dan penyelidikan yang boleh membantu dalam pembentukan dasar dan perancangan sosial.

HT06 Pendidikan dengan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)

Program ini bertujuan melatih guru-guru Bahasa Inggeris untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah. Pengambilan terbuka kepada calon lepasan STPM, Matrikulasi dan kelulusan yang setaraf, serta guru-guru bukan siswazah yang mengikut Program Pensiswazahan Guru (PPG).

HT19 Pendidikan Awal kanak-Kanak

Melangkah ke depan, guru dan pentadbir dalam pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan warga negara kita. Oleh itu, program ini bertekad untuk membangunkan kapasiti dan kecekapan prasiswazah pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan kualiti dan standard pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Graduan dalam program ini boleh menceburi bidang pendidikan awal kanak-kanak, bidang keusahawanan (tadika/penjagaan kanak-kanak atau pra sekolah), pengurusan pendidikan serta bidang pentadbiran dan pengurusan Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

HS20 Sains Sukan

Program ini bertujuan melahirkan individu yang terlatih dalam bidang Sains Sukan yang menjurus kepada pengurusan sukan dan kejurulatihan. Peluang kerjaya untuk graduan dari program ini terbuka dalam pelbagai bidang seperti Facilitator Sukan, Jurulatih Sukan, Penganjur Sukan, Editorial Sukan, Pendidik Sukan dan Perunding Sukan.

TENAGA PENGAJAR

www.ums.edu.my/fpp/